



Subur Bahasa, Mekar Sastera

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat berikut yang dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- | | |
|---|--|
| <p>1 _____ bahasa Melayu dalam urusan seharian mampu meningkatkan kemahiran berbahasa murid-murid.</p> <p>A Pengguna C Penggunaan
B Kegunaan D Kepenggunaan</p> | <p>3 Karya sastera dipercayai mampu membuka minda anak-anak muda agar lebih kreatif _____.</p> <p>A berfikir C pemikiran
B terfikir D memikirkan</p> |
| <p>2 Tulisan Jawi merupakan salah satu bukti _____ Islam ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu.</p> <p>A didatangi
B pendatang
C kedatangan
D mendatangkan</p> | <p>4 Akhbar merupakan antara senjata utama untuk _____ semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat.</p> <p>A meningkat
B peningkatan
C pertingkatkan
D meningkatkan</p> |

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Guru-guru bahasa Melayu di SMK Bentara Jasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk digilap bakat baharu murid-murid di sekolah tersebut.

- 2 Kepelbagaian syarat yang perlu kepatuhan oleh murid ketika membina pantun telah menyebabkan mereka hilang minat untuk menguasainya.

- 3 Kita haruslah berusaha untuk memelihara seni sastera yang sangat menilai ini agar tak lapuk di hujan, tak lejang di panas.

- 4 Bahasa rojak yang pertuturan oleh kebanyakan remaja kini menjadi punca bahasa Melayu semakin tercemar.

- 5 Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dimartabatkan bahasa Melayu haruslah dipuji kerana hal ini bukanlah sesuatu yang mudah.
